3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Julai 2026
2½ jam

PPC 2026 - MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026
TINGKATAN 5

PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalan dalam* **Bahagian B**.
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. **Tunjukkan kerja mengira**. *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Anda diingatkan untuk menulis nama dan tingkatan pada halaman hadapan Helaian Jawapan yang disediakan.*
9. *Semua kertas jawapan dan jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

Bahagian A
[60 *markah*]
Jawab ***semua*** *soalan.*

1. (a) Nyatakan andaian, prinsip atau batasan yang dipatuhi dalam situasi berikut:

(i) Megah Enterprise telah mencatatkan nilai premis pada harga belian iaitu RM350 000 walaupun harga pasaran premis bernilai RM800 000.

(ii) Puan Siti merekodkan yuran tuisyen anaknya berjumlah RM150 ke dalam buku akaun perniagaan.

[2 *markah*]

(b) Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Perabot Firas.

Membeli 2 buah komputer riba berjumlah RM6 000 dengan cek daripada Perniagaan Revotech.

Nyatakan akaun yang didebit dan dikredit oleh Kedai Perabot Firas?

[2 *markah*]

(c) Nyatakan **dua** sebab berlakunya Pelupusan Aset Bukan Semasa.

[2 *markah*]

(d) Maklumat berikut diperoleh daripada rekod perakaunan dua buah perniagaan produk kecantikan bagi tahun berakhir 31 Mac 2026.

Chantek Enterprise	Molek Trading
Tempoh kutipan hutang 60 hari	Tempoh kutipan hutang 90 hari

Berdasarkan maklumat di atas, perniagaan manakah yang menunjukkan kecekapan membuat kutipan hutang daripada pelanggan. Berikan alasan anda.

[2 *markah*]

(e) Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Dobi Star pada 31 Mei 2026.

Butiran	Sebenar	Jangkaan	Prestasi
Hasil perkhidmatan dobi	RM27 900	RM36 500	(i)
Utiliti	RM1 200	RM1 800	(ii)

Nyatakan sama ada prestasi perniagaan di 1(e) (i) dan 1(e) (ii) memuaskan atau tidak memuaskan.

[2 *markah*]

2. Tharwa' Mozek Enterprise yang beroperasi di Merlimau menjalankan perniagaan menjual jubin. Berikut adalah maklumat yang diambil dari buku perniagaannya pada 31 Mei 2026.

Tharwa' Mozek Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Mei 2026

	Debit **RM**	Kredit **RM**
Premis	230 000	
Inventori 1 Jun 2025	32 000	
Modal 1 Jun 2025		228 095
Kenderaan	150 000	
Lengkapan	51 920	
Susut nilai terkumpul kenderaan		45 000
Susut nilai terkumpul lengkapan		11 500
Belian dan Jualan	135 000	390 120
Pulangan	1 950	880
Bank	24 600	
Diskaun		690
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	85 400	51 700
Hutang lapuk terpulih		2 000
Peruntukan hutang ragu		1 973
Utiliti	5 910	
Gaji	20 000	
Hutang lapuk	450	
Insurans	3 228	
Pinjaman 4% (matang pada Mei 2029)		30 000
Ambilan	4 000	
Deposit utiliti	1 200	
Simpanan tetap	15 000	
Faedah atas pinjaman	1 300	
	761 958	761 958

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 31 Mei 2026 dinilaikan seperti berikut:

	Jubin A RM	Jubin B RM	Jubin C RM	Jumlah RM
Harga Kos	7 780	11 500	6 260	25 540
Harga Pasaran	9 100	8 670	5 430	23 200

(ii) Utiliti bagi bulan Mei RM480 belum dibayar.

(iii) Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh setahun berakhir Julai 2026.

(iv) Aset Bukan Semasa perlu dinilaikan seperti berikut:

- Kenderaan disusutnilai dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- Lengkapan digunakan untuk tempoh 6 tahun. Nilai skrap lengkapan dijangka RM2 000.

(v) Pinjaman bank telah dibuat pada 1 Jun 2024 sebanyak RM50 000.

(vi) Hutang lapuk yang dihapuskira ialah RM200.

(vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

(viii) Dokumen berikut belum direkodkan dalam mana-mana buku.

ASAL ND 0590

Big Ceramic Supplier Sdn Bhd
No 37/1D Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru, Johor

NOTA DEBIT

Kepada
Tharwa' Mozek Enterprise
Lot 20 Taman IKS Merlimau
77300 Melaka.

Tarikh : 20 Mei 2026

No Rujukan	Butiran	Jumlah RM
Invois 115	Caj pengangkutan dikenakan atas belian	600.00
	Jumlah	600.00

(Ringgit Malaysia : Enam ratus sahaja)

Iskandar
Pengurus

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2026.

[13 *markah*]

(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2026.

[12 *markah*]

3. Puan Rania Sarah pemilik perniagaan NiaSarah Stationery yang menjalankan perniagaan alat tulis di Masjid Tanah, Melaka. Berikut merupakan baki tunai perniagaannya pada 31 Mei 2026:

	RM
Tunai di tangan	390
Tunai di bank	6 393

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Jun 2026.

Tarikh	Urus niaga	No. Cek	Jumlah
2026			RM
Jun 2	Belian tunai	700683	1 125
6	Bayar pembekal Azwa Bookstore	700684	1 650
8	Jualan tunai		820
11	Bayar sewa	700685	2 000
13	Ambilan barang niaga		120
14	Terima cek daripada Kedai Buku Mikhail		1 335
16	Belian tunai		1 200
19	Mengeluarkan tunai di bank untuk kegunaan perniagaan	700686	1 500
23	Bayar utiliti	700687	370
25	Jualan tunai dibankkan		1 460
26	Terima cek daripada Miera Stationery		452
28	Bayar gaji	700688	2 500
29	Terima cek daripada Kedai Alat Tulis Aniq		880

(a) **Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai untuk mencatat urus niaga bagi bulan Jun 2026.

[13 *markah*]

Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan Jun 2026 yang telah diterima oleh NiaSarah Stationery.

PENYATA BANK

Bank Raya
Lot 32, 78300 Masjid Tanah,
Melaka

NiaSarah Stationery

No. Akaun : 040320578332

Tarikh : 30 Jun 2026

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki
2026		RM	RM	RM
Jun 1	Baki b/b			5 871
2	Deposit		952	6 823
3	Cek No. 700682	430		6 393
5	Cek No. 700683	1 125		5 268
9	Buku cek	50		5 218
	Cek No. 700684	1 650		3 568
13	Perintah sedia ada – Insurans	1 450		2 118
14	Cek No. 700685	2 000		118
22	Cek No. 700686	1 500		(1 382)
25	Deposit		1 460	78
29	Dividen		453	531

Maklumat tambahan:

Cek bertarikh 26 Jun 2026 dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

Anda dikehendaki:

(b) mengemaskini Buku Tunai (ruangan bank sahaja) [6 *markah*]

(c) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2026 [6 *markah*]

Bahagian B

[**40** *markah*]
Jawab ***dua*** soalan sahaja.

4 (a) Maklumat berikut diperoleh daripada D'Frozen Sdn. Bhd. sebuah kilang yang mengeluarkan produk sejuk beku pada 30 Jun 2026.

	1 Julai 2025	30 Jun 2026
	RM	**RM**
Inventori:		
Bahan langsung	42 500	55 980
Alat-alat kecil	2 180	1 320
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	10 650	15 200
Buruh langsung	11 880	13 450
Kos overhed	2 250	4 550

Urus niaga berikut berlaku sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2026.

	RM
Belian bahan langsung	67 700
Mesin kilang (kos)	55 000
Gaji operator pengeluaran	45 800
Duti import bahan langsung	510
Royalti	2 030
Belian alat-alat kecil	1 960
Lengkapan pejabat	36 000
Upah buruh tak langsung	1 400
Insurans	2 270
Angkutan masuk bahan langsung	580
Utiliti	1 980
Sewa	16 000
Akaun Belum Terima	10 000
Bank	15 000
Modal 1 Julai 2025	82 657
Jualan	129 488
Pulangan belian bahan langsung	1 200
Susut nilai terkumpul mesin	15 500
Akaun Belum Bayar	27 385

PPC 2026 - MELAKA

Maklumat tambahan:

(i) Agihan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Butiran	Kilang	Pejabat
Utiliti	2	1
Insurans	60%	40%
Sewa	70%	30%

(ii) Gaji dua orang operator pengeluaran yang diambil bekerja pada 1 Jun 2026 dengan gaji bulanan RM1 800 seorang masih belum dibayar.

(iii) Kerajaan telah mengumumkan pengurangan duti import bahan langsung sebanyak 10% setahun berkuatkuasa 1 Julai 2025. Perkara ini belum direkodkan.

(iv) Mesin disusutnilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2026.

[13 *markah*]

(b) Maklumat berikut telah di ambil daripada rekod perakaunan Polaris Enterprise bagi bulan Jun 2026.

Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit
2026		RM	RM
Jun 1	Tunai	580	
	Bank	10 000	
	Lengkapan	14 200	
	Akaun Belum Terima:Akmal	3 780	
	Akaun Belum Terima:Kedai Budiman	2 900	
	Akaun Belum Bayar:Zalora Trading		4 800
	Akaun Belum Bayar:Yew Sdn. Bhd.		5 100
	Modal		21560
	(Aset, liabiliti dan ekuiti pada tarikh ini)	31460	31460
12	Kedai Budiman	288	
	Diskaun diberi		288
	(Diskaun diberi dibatalkan)		
24	Angkutan masuk	200	
	Yew Sdn.Bhd.		200
	(Caj Angkutan dikenakan)		

Jurnal Jualan

Tarikh	Butiran	Jumlah
2026		RM
Jun 4	Akmal	2 600
10	Kedai Budiman	2 980
16	Zamarul	3 200
30	Akaun Jualan	8 780

Jurnal Belian

Tarikh	Butiran	Jumlah
2026		RM
Jun 8	Zalora Trading	3 560
16	Yew Sdn. Bhd.	2 880
22	Zalora Trading	3 500
30	Akaun Belian	9 940

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butiran	Jumlah
2026		RM
Jun 9	Akmal	220
18	Kedai Budiman	200
27	Zamarul	410
30	Akaun Pulangan Jualan	830

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butiran	Jumlah
2026		RM
Jun 12	Yew Sdn. Bhd.	560
30	Jurnal Pulangan Belian	560

Maklumat tambahan:

(i) Sekeping cek bernilai RM2 600 daripada Kedai Budiman telah dipulangkan oleh pihak bank dengan nota 'Rujuk Penyuruh Bayar'.

(ii) Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima RM10 300.

(iii) Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar RM7 820 dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima pada 30 Jun 2026.

[7 *markah*]

5. Hanan dan Rani ialah pekongsi dalam Perkongsian HARA yang beroperasi di Cheng, Melaka.

Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Perkongsian HARA pada 30 April 2026.

	Debit	Kredit
	RM	**RM**
Premis	79 400	
Kenderaan	51 000	
Tunai	2 000	
Bank		3 700
Akaun Belum Terima	12 500	
Akaun Belum Bayar		5 340
Peruntukan hutang ragu		420
Gaji Hanan	5 600	
Gaji Rani	6 000	
Pinjaman daripada Hanan		20 000
Untung bersih		48 340
Modal 1 Mei 2025:		
Hanan		44 000
Rani		66 000
Akaun Semasa 1 Mei 2025:		
Hanan	1 500	
Rani		2 200
Ambilan:		
Hanan : 31 Julai 2025	8 000	
: 1 Januari 2026	9 000	
Rani : 1 Julai 2025	15 000	
	190 000	190 000

Ikatan perkongsian perniagaan ini menetapkan perkara berikut:

(i) Faedah atas modal 5% setahun.
(ii) Faedah atas ambilan 4% setahun.
(iii) Faedah atas pinjaman ditetapkan mengikut Akta Perkongsian 1961.
(iv) Gaji bulanan Hanan dan Rani masing-masing RM400 dan RM500.
(v) Untung rugi dibahagikan di antara Hanan dan Rani mengikut nisbah modal.

Maklumat tambahan:

(i) Insurans prabayar RM1 800.
(ii) Faedah overdraf belum bayar RM590.
(iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
(iv) Faedah atas pinjaman Hanan belum diambil kira.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Penyata Pelarasan Untung Bersih bagi tahun berakhir 30 April 2026. [5 *markah*]
(b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2026. [7 *markah*]
(c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan). [8 *markah*]

6 (a) Berikut adalah maklumat Kelab BR Pickleball Smash pada 31 Disember 2025:

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	**RM**
Bangunan Kelab dan Gelanggang	85 000	85 000
Yuran belum terima	540	360
Yuran belum terperoleh	180	?
Alatan Pickleball	10 400	?
Sewa gelanggang belum terima	450	500
Utiliti prabayar	130	450

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

Penerimaan	**RM**
Yuran ahli 2024	420
Yuran ahli 2025	18 180
Yuran ahli 2026	240
Kutipan Pertandingan Pickleball	5 600
Sewa gelanggang	9 800
Derma bina gelanggang	4 000
Pembayaran	
Hadiah dan sijil pertandingan Pickleball	2 400
Utiliti	2 890
Belanja penyelenggaraan gelanggang	1 000
Saguhati pengadil pertandingan Pickleball	1 200
Gaji jurulatih	4 500
Belanja am kelab	600
Belian Alatan Pickleball (1 Oktober 2025)	3 000
Derma SMK Bukit Rambai	300

Maklumat tambahan:

1. Yuran 2024 yang masih belum diterima dihapuskan.
2. Alatan Pickleball disusut nilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Akaun Yuran Ahli. [5 *markah*]

(ii) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [9 *markah*]

(b) Kesilapan-kesilapan berikut dikesan daripada buku perniagaan Adam Fir Enterprise.

(i)	Pemilik mengambil barang niaga untuk dijadikan sampel jualan bernilai RM350. Perkara ini belum direkodkan dalam mana – mana buku.
(ii)	Angkutan masuk tersilap rekod dalam angkutan keluar bernilai RM1450.
(iii)	Penerimaan cek daripada Fairus Trading RM345 telah didebitkan dalam akaun Fairus Trading dan dikreditkan dalam buku tunai.

Anda dikehendaki membetulkan maklumat berikut dalam jurnal am (keterangan tidak diperlukan).

[6 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT